

Dr Sabarudin ganti Dr Mortaza di Universiti Malaysia Pahang

KUANTAN: Pengarah Pusat Pembangunan Korporat dan Kualiti, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Dr Sabarudin Mohd, dilantik Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) universiti berkenaan bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Beliau menggantikan Prof Datuk Dr Mortaza Mohamed yang dipinjamkan ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal

Ehwal Pelajar & Alumni).

Pelantikan Sabarudin, 50, berdasarkan pengalaman luas dalam bidang Kejuruteraan Awam dengan tumpuan utama dalam bidang Analisis Struktur dan Teknologi Konkrit.

Beliau memperoleh Diploma Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1979 sebelum Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Awam dari Universiti Glasgow, Scotland pada 1985.

Berikutnya, beliau mendapat Ijazah Sarjana Sains Kejuruteraan Struktur dari Universiti Strathclyde, United Kingdom dan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Struktur dari Universiti Birmingham, England pada 1990.

Selepas menamatkan pengajian dalam bidang Diploma, beliau memulakan kerjayanya sebagai Pembantu Teknik di Unit Binaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam tahun yang sama

dan selepas tamat pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD), bertugas sebagai pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1990.

Prof Sabarudin juga pernah menyandang jawatan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam USM dari Januari 1997 hingga Mac 2003 sebelum bertugas sebagai Profesor di UMP pada Disember 2005.

Sebelum pelantikan ke jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik &

Antarabangsa), beliau adalah Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam di UMP dari April 2006 dan menjalankan tugas sebagai Pengarah Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti bermula Februari 2007.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah dilantik Profesor Kunjungan di beberapa universiti luar negara, antaranya Universiti Leeds, United Kingdom; Universiti of California Birkeley, Amerika Syarikat dan Universiti Kyoto, Jepun.

ER :
H :
SURAT :

Utusan Malaysia